

MAIZATUL HAIZAN MAHBOB

## Analisis Fungsional Ke Atas Media

### Pengenalan

Analisis fungsional pada dasarnya cuba melihat dan mengenalpasti fungsi media. Umumnya fungsi media terbahagi tiga iaitu memberi maklumat, mendidik dan menghibur. Bagaimanapun fungsi ini dianggap sebagai fungsi tradisi kerana terdapat banyak cara individu melihat tentang media dan ia berbeza-beza mengikut keperluan dan kehendak seseorang. Individu yang berbeza menunjukkan kepuasan yang berbeza ke atas rancangan televisyen yang sama. Justeru media bukanlah seperti satu set menu makanan yang terdapat di kafeteria atau restoran. Media tidak melayan setiap kehendak dan keperluan individu, tetapi penontonlah yang harus menerima apa yang disajikan oleh media (Dayan & Katz 1992).

Pendekatan analisis fungsional mempunyai kaitan dengan kuasa dan maklumat. Ini bermakna media mempunyai hubungan dengan kuasa khususnya kuasa politik dan ekonomi. Individu atau mereka yang mempunyai kuasa politik, bermakna mereka boleh mengawal media. Kawalan ini membolehkan mereka menentukan kandungan media termasuk maklumat dan seterusnya membentuk dan mengawal pemikiran audien. Justeru fungsi media sebagai penyalur maklumat sering menjadi persoalan. Maklumat yang bagaimana? Maklumat yang bebas dan tidak dikawal atau maklumat yang dikawal dan disunting? Kawalan ke atas maklumat ini mempunyai kaitan dengan kuasa dan berlandaskan kepada sistem pemerintahan yang diamalkan sama ada autokrasi atau demokrasi. Dalam konteks demokrasi pula, persoalannya ialah demokrasi jenis apa atau demokrasi yang bagaimana yang memberi kebebasan media atau yang mengawal kebebasan media? Justeru kuasa memainkan peranan yang sangat signifikan apabila kita membincangkan tentang analisis fungsional. Kuasa selalunya

merujuk kepada orang yang memiliki kuasa tersebut iaitu pemimpin. Pemimpin dalam konteks kertaskerja ini hanya dibataskan kepada pemimpin politik. Dengan itu, kuasa telah membahagikan masyarakat kepada dua kelompok iaitu golongan yang memimpin dan golongan yang dipimpin. Golongan yang memimpin ini terdiri daripada individu atau sebilangan kecil manusia yang digelar sebagai elit, manakala golongan yang dipimpin terdiri daripada sebahagian besar manusia yang digelar sebagai massa. Jika mengikut teori elit, golongan elit sentiasa menganggap massa sebagai apati, tidak tahu, tidak kisah, dan tidak mengambil berat tentang hal-ehwal negara dan masyarakat. Mereka sebaliknya menganggap diri mereka adalah bijak pandai, tahu segala-galanya termasuk mana yang baik dan mana yang buruk dan dengan itu mereka perlu mengawal golongan massa supaya kebaikan dan keharmonian akan terus dapat dipupuk dalam masyarakat. Golongan massa ini dilihat oleh Lippmann sebagai *bewildered herd*, manakala Chomsky (1997) melihat golongan elit sebagai *specialized class of responsible men*. Kedua-dua label golongan ini akan dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

### **Intipati Analisis Fungsional**

Analisis fungsional mengkaji tentang sejauh mana dan bagaimana media mempengaruhi masyarakat. Justeru unit analisisnya terbahagi dua iaitu media dan masyarakat. Tidak hairanlah jika dikatakan bahawa kajian ini banyak mendasari bidang antropologi dan sosiologi. Analisis fungsional mengandaikan bahawa masyarakat boleh dilihat sebagai satu "sistem dalam keseimbangan". Dalam sistem ini masyarakat dilihat melakukan beberapa set aktiviti kompleks yang saling berhubungan dan menyokong antara satu sama lain (Merton, dalam Baran & Davis 2000:157). Bagi mengupas sistem ini dengan lebih lanjut, Merton telah memberikan satu ciri tentangnya iaitu kebebasan nilai (*value neutrality*). Ciri ini pula mempunyai kaitan dengan teori sosial yang mencirikan masyarakat kepada dua bahagian iaitu sama ada baik atau buruk. Contohnya, teori masyarakat massa melihat media sebagai "mengganggu" atau "subversif", merupakan satu kuasa negatif yang seharusnya dikawal. Bagaimanapun ahli-ahli fungsional menolak andaian ini dan menurut mereka kajian perlu dibuat bagi mengenalpasti manakah fungsi dan bukan fungsi media. Dengan itu, satu penilaian yang sistematik boleh dibuat ke atas impak media secara keseluruhan.

Perbezaan tentang fungsi (*functional*) dan bukan fungsi (*dysfunctional*) ini kemudiannya telah diilustrasikan oleh ahli fungsional ke atas masyarakat puak primitif. Menurut mereka, semua aktiviti puak boleh diandaikan saling berkait di mana setiap puak mampu bertahan dan mengadaptasi persekitaran fizikal di sekeliling mereka. Semua amalan yang menyumbang kepada pengukuhan dan ketahanan puak bolehlah dianggap sebagai *functional* berbanding kebaikan. Manakala sebarang amalan yang bersifat mengganggu dan memusnah pula boleh dianggap sebagai *dysfunctional* berbanding keburukan. Dengan itu, sesetengah amalan individu boleh dilihat sebagai *functional* dan sesetengahnya pula sebagai *dysfunctional*. Sesetengah ahli puak boleh dibantu atau dimusnahkan dalam keadaan tertentu. Selagi amalan *functional* mendominasi dan amalan *dysfunctional* berada pada tahap minimum, maka puak akan terus berkembang dan bertahan. Justeru hal ini boleh diandaikan sebagai “dalam keseimbangan”, kerana amalan *functional* telah mengimbangi amalan *dysfunctional* (Baran & Davis 2000:157). Merton turut membezakan hal ini sebagai *manifest function* (fungsi yang jelas/nyata) di mana sebab-akibatnya mudah dilihat dan juga *latent function* (fungsi yang tersembunyi) di mana sebab-akibatnya sukar dilihat.

Analisis fungsional telah diterima secara meluas oleh kebanyakan pengkaji komunikasi massa sekitar tahun 1950an dan 1960an. Para pengkaji ini cuba menentukan sama ada media tertentu atau kandungan media tertentu boleh dikategorikan sebagai *functional* atau *dysfunctional*. Justeru fungsi media yang “nyata” dan yang “tersembunyi” telah diselidiki. Dapatan menunjukkan bahawa analisis fungsional bagi mengkategorikan sesuatu sebagai *functional* atau *dysfunctional* sebenarnya adalah agak sukar. Kandungan media tertentu boleh dikelaskan sebagai *functional* dan *dysfunctional* sama ada kepada masyarakat secara keseluruhan, kepada individu tertentu, kepada sub kumpulan tertentu atau budaya tertentu. Misalnya, berita yang menyedarkan masyarakat tentang ahli politik yang korup, dianggap sebagai *functional* kepada masyarakat, tetapi *dysfunctional* kepada ahli politik. Sekiranya ahli politik tersebut merupakan ahli kepada kumpulan etnik tertentu, misalnya Melayu atau Cina, maka permusuhan awam boleh berlaku ke atas kumpulan tersebut dan berita berkenaan akan menjadi *dysfunctional* kepada kumpulan tersebut. Dengan itu, perkara yang menjadi *functional* kepada masyarakat, boleh menjadi *dysfunctional* kepada individu atau kumpulan minoriti tertentu.

Justeru kesukaran untuk membezakan mana yang *functional* dan *dysfunctional* merupakan kelemahan utama pendekatan ini. Pendekatan ini seolah-olah membenarkan apa sahaja kesimpulan tentang *functional* dan *dysfunctional* tanpa cuba membezakannya dengan terperinci. Bagaimanapun untuk mengatasi masalah ini, pengkaji atau ahli teori disaran supaya menganggap bahawa *dysfunctional* akan diseimbangkan oleh *functional*. Contohnya kandungan media bolehlah diandaikan sebagai *functional*. Bagaimanapun, sekiranya ada masyarakat yang menganggapnya sebagai *dysfunctional*, maka hal ini boleh mewujudkan keseimbangan. Sekiranya keseimbangan berlaku, maka kita boleh menyimpulkan bahawa pengaruh media boleh bersifat positif atau hanya sebahagian kecil bersifat negatif. Sekiranya kita menyingkirkan kesan negatif, kita juga harus menyingkirkan kesan positif untuk mengimbangkannya. Misalnya Schramm, Lyle & Parker (1961) mendapati bahawa, sungguhpun kita melihat kandungan televisyen yang memaparkan unsur keganasan mempengaruhi sesetengah kanak-kanak untuk bertindak agresif, tetapi sebahagian besar kanak-kanak yang lain tidak terpengaruh. Justeru, selagi sistem sosial itu berperanan sedemikian rupa, maka selagi itu unsur keganasan di tv tidak memberi perbezaan yang besar dan mewujudkan *dysfunctional* kepada kanak-kanak.

Justeru intipati analisis fungsional melihat keseimbangan unsur *functional* dan *dysfunctional* tentang pengaruh media. Keseimbangan adalah penting dalam menganalisis pendekatan ini kerana kesukaran untuk menentukan perbezaan di antara *functional* dan *dysfunctional*. Sama ada individu, sub kumpulan atau masyarakat menganggap sesuatu isu atau perkara itu sebagai *functional* atau *dysfunctional* adalah bergantung kepada persepsi mereka terhadap kandungan media. Seperti mana yang telah dinyatakan, kandungan media dikawal oleh orang yang mempunyai kuasa dan dalam konteks ini dirujuk sebagai elit politik. Kawalan ini pula bergantung kepada jenis sistem politik yang diamalkan. Sekiranya sistem autokrasi seperti mana yang diamalkan oleh negara komunis misalnya Korea Utara dan monarki mutlak seperti Arab Saudi, kawalannya sudah tentu bersifat terpusat. Bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi pula, sungguhpun ideologinya menekankan kebebasan, tetapi kebebasan media boleh dipersoalkan bukan sahaja bagi negara yang mengamalkan quasi demokrasi seperti Malaysia malah demokrasi liberal seperti Amerika Syarikat.

## Analisis Fungsional dan Sistem Politik

Oleh kerana analisis fungsional melihat kepada bagaimana kandungan media dipersepsikan oleh masyarakat, kumpulan dan individu sebagai *functional* dan *dysfunctional*, maka persoalannya ialah siapa sebenarnya yang mengawal dan menetapkan fungsi media. Sekiranya media dikawal oleh undang-undang, maka elit politiklah yang mengawal fungsi media, dan sekiranya media dikawal oleh kapitalis yang mempunyai modal besar, maka elit ekonomilah yang mengawal fungsi media. Tidak kira sama ada elit politik atau ekonomi, mereka yang mengawal media adalah terdiri daripada segelintir orang yang mempunyai kuasa sama ada kuasa politik atau ekonomi.

Bagi negara yang mengamalkan sistem autokrasi, elit politik akan memainkan peranan utama dalam mengawal dan menetapkan fungsi media. Ini kerana pemerintah mengawal semua sumber negara dan memusatkan kuasa ke tangan mereka termasuklah kuasa media. Tujuan pengawalan ini, antara lain ialah untuk mengekalkan status quo dan ideologi politik yang dipegang supaya tidak dicemari oleh anasir yang boleh menggugat apa yang telah dibina dan dipertahankan. Ini berlaku di kebanyakan negara Timur Tengah yang mengamalkan sistem monarki dan Amerika Latin serta Asia yang mengamalkan pemerintahan militari dan komunis. Justeru elit politik memainkan peranan yang cukup signifikan dalam menentukan apakah maklumat yang diperlukan dan tidak diperlukan oleh massa. Ia juga boleh dikaitkan dengan teori propaganda dan teori penetapan agenda kerana maklumat yang disalurkan daripada media bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran massa supaya mengiakan semua tindakan yang dibuat oleh kerajaan. Tujuan ini selalunya mempunyai agenda tertentu dan ia berbalik semula kepada penetapan *status quo* seperti mana yang telah dibincangkan.

Bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi pula, sungguhpun kebebasan sering dilaung-laungkan dan menjadi sebahagian daripada hak asasi manusia, namun kebebasan media masih lagi dipersoalkan. Media masih dikawal oleh segelintir individu yang dipanggil elit dan mereka inilah yang membentuk pemikiran masyarakat, kumpulan dan individu sama ada kandungan media dilihat sebagai *functional* atau *dysfunctional*. Negara yang mengamalkan quasi-demokrasi seperti Malaysia merupakan antara contoh yang mengamalkan kawalan media di bawah sistem pemilihan kerajaan secara pilihan raya bebas. Bebas di satu pihak tetapi tidak bebas di pihak lain. Kawalan kerajaan ke atas media secara jelas

boleh dilihat melalui akta yang digubal seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Kesemua akta ini menjadikan maklumat yang terkandung dalam media sebagai maklumat propaganda iaitu maklumat yang condong kepada penonjolan sifat baik parti pemerintah. Media dilihat mengiklankan parti pemerintah dengan menonjolkan semua perilaku baik mereka, kejayaan yang telah mereka capai tetapi meyembunyikan segala kelemahan dan kejahatan. Seperti biasa, alasan yang diberi oleh pihak elit ialah untuk menjaga keharmonian dan ketenteraman awam. Mereka menganggap bahawa hanya mereka yang boleh memikirkan tentang keharmonian masyarakat, manakala golongan massa dianggap apati, tidak tahu dan tidak layak untuk memikirkannya. Justeru berita dan maklumat telah dikawal sedemikian rupa dengan menetapkan agenda tersendiri parti pemerintah dalam membentuk pemikiran massa. Dengan itu, elit daripada golongan minoriti membentuk dan mempengaruhi pemikiran massa dari golongan majoriti melalui media dan media diakui sebagai alat yang paling signifikan dalam menjalankan fungsi tersebut.

Hal ini tidak banyak berbeza dengan negara yang mengamalkan demokrasi liberal seperti Amerika Syarikat. Bagaimanapun kawalan media di negara ini dilihat lebih kompleks tidak seperti di Malaysia. Seperti mana menurut Chomsky (1997), terdapat dua jenis konsep demokrasi yang berbeza iaitu pertama, masyarakat mempunyai hak untuk berpartisipasi dalam sebuah pentadbiran/ pengurusan dengan cara mereka sendiri dan hak untuk mendapatkan maklumat dengan bebas dan adil. Kedua, masyarakat dihalang daripada menguruskan hal-ehwal mereka dan maklumat perlu dikawal secara *rigid* dan sempit. Konsep kedua dilihat sebagai satu konsep demokrasi yang janggal tetapi ia adalah penting untuk memahami bahawa jenis ini adalah konsep yang sering digunakan termasuklah di negara liberal seperti Amerika Syarikat. Persoalannya ialah mengapa Amerika Syarikat yang dilaung-laungkan mengamalkan kebebasan tetapi dalam masa yang sama menyekat kebebasan media? Kebebasan media yang diamalkan oleh negara ini sudah tentulah tidak sama dengan kebebasan yang diamalkan oleh Malaysia atau negara quasi demokrasi yang lain. Sekiranya di Malaysia ahli politik mengawal media, di Amerika pula, ahli korporat atau kapitalis yang menjalankan fungsi ini. Bagaimanapun hal yang berlaku ini berpunca daripada strategi ahli politik sendiri yang menggunakan media sebagai alat propaganda. Strategi ini kemudiannya digunakan oleh pihak lain dan ternyata berkesan.

Untuk memahami mengapa Amerika juga mengamalkan kawalan media, maka eloklah dimulakan dengan operasi propaganda kerajaan.

Propaganda sebenarnya menjadi fungsi utama mengapa media digunakan. Menurut Chomsky, propaganda kerajaan moden yang pertama ialah ketika di bawah pentadbiran Woodrow Wilson. Wilson dipilih sebagai presiden pada tahun 1916 ketika Perang Dunia Pertama sedang berlangsung di atas *platform* "Aman Tanpa Kemenangan". Masyarakat Amerika pada ketika itu begitu pasifistik dan tidak melihat sebarang sebab untuk terlibat dalam perang di Eropah. Bagaimanapun, pentadbiran Wilson sebenarnya komited dengan peperangan. Justeru pentadbiran beliau telah mewujudkan suruhanjaya propaganda kerajaan yang dipanggil Suruhanjaya Creel. Suruhanjaya ini berjaya menukar pandangan rakyat yang pasifistik kepada histerikal hanya dalam tempoh enam bulan. Rakyat melihat penaklukan yang dilakukan oleh Jerman sebagai satu tindakan jahat, dan mereka ingin memusnahkan segala-galanya tentang Jerman, pergi berperang dan menyelamatkan dunia.

Kejayaan propaganda ini telah melahirkan pencapaian matlamat yang berikutnya. Selepas peperangan, teknik yang sama digunakan untuk mencetuskan kebimbangan di kalangan orang ramai akibat kebebasan media. Teknik ini telah berjaya memusnahkan kesatuan dan menghapuskan masalah yang dianggap merbahaya iaitu kebebasan media dan kebebasan pemikiran politik. Propaganda ini mendapat sokongan padu dari pihak media sendiri dan ahli korporat. Teknik propaganda yang dicetuskan ketika pentadbiran Wilson telah menjadi ikutan oleh tokoh seperti John Dewey yang menulis tentang 'Ahli Bijak Pandai Dalam Masyarakat' yang boleh memandu masyarakatnya untuk melakukan apa yang dikehendaki oleh golongan ini termasuk pergi berperang yang seterusnya mewujudkan konsep *jingoist fanaticism*. Teknik ini juga telah dipelajari oleh Hitler dan ramai lagi dan ia masih lagi dipelajari hingga ke hari ini.

Kumpulan lain yang tertarik dengan kejayaan propaganda ini ialah ahli-ahli teori demokratik dan tokoh-tokoh peneraju media seperti Walter Lippmann, yang merupakan pemimpin wartawan Amerika, juga seorang pengkritik dasar kerajaan dan ahli teori demokrasi liberal. Artikel beliau banyak menulis tentang Teori Progresif Pemikiran Demokratik Liberal. Menurut Lippmann, demokrasi merupakan satu seni dan ia boleh direvolusikan bagi memelihara kepentingan umum dengan mengelakkan pendapat umum. Perkara ini bagaimanapun hanya boleh difahami dan dikendalikan oleh 'orang yang bertanggung jawab' dari 'kelas yang

istimewa' atau lebih dikenali sebagai *specialized class of responsible man*. Golongan ini dilihat mempunyai kebijaksanaan untuk menentukan mana yang baik dan mana yang buruk dalam masyarakat. Teori ini hanya boleh difahami oleh kumpulan elit yang kecil, iaitu masyarakat intelektual yang tahu tentang kepentingan umum, apa yang umum mahukan dan dengan itu boleh mengelakkan pendapat umum dari pihak awam.

Pandangan ini sebenarnya adalah pandangan seratus tahun yang lalu, malah ia mempunyai hubungan erat dengan konsep *Leninist* iaitu revolusi intelektual mengetuai dan mengambilalih kuasa negara dengan menggunakan revolusi rakyat yang membawa mereka kepada kuasa negara dan kemudian memimpin masyarakat massa yang lemah dan dungu ke arah masa depan yang tidak mampu mereka bayangkan kerana kelemahan dan kedunguan mereka. Justeru itu, teori demokratik liberal dan idea Marxism-Leninism mempunyai hubungan yang rapat khususnya dari segi andaian tentang elit dan massa.

Lippmann kemudian menyandarkan andainnya ini dengan teori progresif demokrasi liberal. Beliau menghujah bahawa dalam fungsi demokrasi yang sebenarnya, terdapat beberapa kelas warganegara. Terdapat kelas yang memainkan peranan aktif dalam mengendalikan hal-ehwal awam. Kelas ini dipanggil kelas yang istimewa (*specialized man*). Kelas ini juga terdiri daripada warganegara yang menganalisis, memerintah, membuat keputusan tentang hal-ehwal politik dan ekonomi. Kelas ini merupakan peratus kecil dalam masyarakat atau dinamakan golongan elit. Manakala peratus yang lebih besar iaitu majoriti masyarakat dinamakan golongan massa. Lippmann menggelarkan golongan majoriti atau massa ini sebagai *bewildered herd* manakala golongan minoriti tadi dikenali sebagai *specialized class of responsible man*. Kelas ini digelar sedemikian kerana mereka bertanggung jawab melaksanakan fungsi eksekutif, berfikir, merancang dan memahami kepentingan umum. Selain kelas minoriti, kelas majoriti turut berperanan dalam organisasi. Tetapi fungsi mereka ialah hanya menjadi "penonton" dan bukannya "peserta". Kumpulan ini bagaimanapun dibenarkan membuat pilihan siapa yang ingin mereka pilih sebagai pemimpin dari kalangan kelas minoriti tadi. Justeru menurut Chomsky, inilah yang dikatakan demokrasi dan bukannya totalitarian. Setelah mereka membuat pilihan, mereka kemudiannya berdiri di belakang dan menjadi penonton, bukannya peserta. Itulah yang dikatakan demokrasi yang sebenar. Logik dan prinsip moral di sebalik ini semua ialah massa adalah begitu dungu untuk memahami perkara ini. Sekiranya mereka



mengambil bahagian menguruskan hal-ehwal mereka sendiri, ia akan mencetuskan masalah. Justeru adalah tidak bermoral dan tidak sepatutnya mereka dibenarkan berbuat demikian. Hal ini samalah seperti kita tidak memberi kebebasan kepada kanak-kanak yang berumur tiga tahun kerana mereka tidak tahu bagaimana untuk menangani kebebasan.

Hujah yang dikemukakan oleh Chomsky ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan mengenai ideologi umum tentang demokrasi liberal, quasi demokrasi dan komunis. Ini kerana kesemuanya menekankan tentang peranan elit yang dianggap golongan yang bijaksana yang bertanggung jawab mengawal golongan massa daripada mengeluarkan idea-idea bebas, seterusnya mencetuskan masalah dan mengganggu keharmonian masyarakat. Perjuangan golongan elit ini dikaburkan dengan perjuangan rakyat bagi menunjukkan bahawa rakyatlah yang sebenarnya berkuasa tetapi yang berlaku adalah sebaliknya.

Dengan melihat kepada fungsi media, maka analisis fungsional adalah penting dalam mengkaji tentang media khususnya fungsi media di negara demokrasi liberal. Hal ini seterusnya melahirkan aliran *liberal functionalism*. *Liberal functionalism* mencetuskan persoalan sejauhmana media boleh menjalankan fungsinya dengan bebas dan dalam masa yang sama menjaga sistem sosial agar terus berada dalam keharmonian? Dalam menangani persoalan ini, menurut Curran (2002:134), ahli *liberal functionalism* percaya bahawa media tidak mengubah pemikiran dan tingkah laku manusia secara menyeluruh. Fungsi media adalah memberi sumbangan kepada masyarakat dan bukannya memberi kesan atau mempengaruhi khalayak. Namun begitu, terdapat dua pandangan tentang isu ini. Pandangan tradisi sejarah menghujah bahawa media massa telah mengubah masyarakat melalui pengubahsuaian masa dan tempat. Manakala kajian tradisi politik pula berpendapat walaupun media tidak mengubah pemikiran kebanyakan pengundi namun media telah mengubah proses politik. Media telah mengubah perjalanan pilihan raya, mempengaruhi pemilihan calon politik, menggalakkan pemusatan di kalangan parti-parti politik, mengecilkan peranan simbolik ahli dewan dan menggalakkan manipulasi gambar, imej, suara dan nilai ketika dasar diperdebatkan.

Namun, cara utama bagaimana media harus berfungsi dalam analisis liberal ialah meningkatkan fungsi masyarakat. Ini boleh dilakukan melalui sistem politik, dalam bentuk yang boleh dijangka. Media boleh memberi maklumat pilihan raya, mengadakan forum untuk perbincangan umum bagi mewujudkan dua saluran komunikasi

di antara kerajaan dengan rakyat, dan mengawasi penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan melalui pendedahan maklumat (McQuail 1992; Kelly & Donway 1990). Tiga fungsi utama teori demokratik liberal ini telah ditambah dengan peranan yang lain iaitu membantu menyalurkan kepentingan awam dalam proses politik, mengadakan saluran komunikasi di kalangan elit, menggalakkan semakan ke atas dasar dan matlamat, dan membantu masyarakat mengenalpasti dan memperkembangkan respon politik ke atas ketegangan sosial (Rose 1974; Coleman 1973). Fungsi ini bagaimanapun lebih terikat dengan sistem politik, yang menjadi asas kepada analisis sosiologi pada abad ke 18.

Kajian tentang fungsi media telah diteruskan oleh Harold Laswell dan pada tahun 1948, beliau telah menghuraikan tiga peranan utama media di dalam esainya iaitu pengawasan, perhubungan dan transmisi. Melalui fungsi sosial ini, media membolehkan masyarakat mengawasi apa yang berlaku dalam konteks paparan yang dibuat oleh media melalui amaran tentang kedudukan nilai masyarakat, menggalakkan koordinasi masyarakat dengan mewujudkan saluran komunikasi di antara kumpulan sosial, dan bagi membolehkan masyarakat memberikan respon tentang amaran ini, kumpulan sosial tersebut akan membantu mentransmisikan nilai dari satu generasi ke generasi yang seterusnya (Laswell 1971:98).

Pada tahun 1950an dan 1960an perkembangan *liberal functionalism*, memperlihatkan fungsi media lebih terikat dengan teori persamaan atau *optimality*. Teori ini bagaimanapun digunakan dengan meluas di Jerman, tetapi tidak di negara liberal (Curran 2002). Tradisi *functionalist* kemudiannya telah digubah semula pada tahun 1970an dan 1980an dengan menghidupkan semula kajian tentang kegunaan dan gratifikasi (*uses and gratifications*). Kajian ini mengandaikan bahawa sungguhpun media tidak mengawal pemikiran masyarakat, namun ia menguasai kebanyakan daripada masa mereka. Sejak itu, banyak lagi kajian telah dijalankan dan pelbagai lagi fungsi media telah ditemui dan ia memberi refleksi yang berbeza dari segi matlamat, keperluan psikologi dan pengalaman sosial setiap khalayak dan kesemua ini merupakan contoh kegunaan media. Hal ini termasuklah mewujudkan 'rasa kekitaan', mendapatkan kemenangan, menggalakkan interaksi peribadi, mengawal perasaan peribadi, melepaskan rasa emosi, melarikan diri daripada realiti yang tidak diingini, mencari jalan untuk beristirahat, dan ini semuanya adalah sebahagian daripada gratifikasi media (Blumler & Katz 1974; Rosengren et al. 1985; Rubin 1986). Malah fungsi *standard media*

iaitu memberi maklumat, mendidik dan menghibur, sebenarnya tidak tertakluk kepada semua orang kerana setiap orang mempunyai jalan yang berbeza, bagaimana mereka melihat media adalah berbeza mengikut keperluan dan keinginan masing-masing.

Pada tahun 1980an dan 1990an, pandangan ke atas fungsi media semakin berkembang. Versi baru *liberal functionalism* dalam era ini telah diinspirasikan oleh kebangkitan idea sosiologi dan sosial antropologi Durkheimian. Idea ini terpusat kepada tema "media sebagai agensi integrasi sosial". James Carey (1992) yang menulis tentang idea ini mengatakan bahawa kebanyakan komunikasi massa mempunyai maksud ritual yang menyatukan manusia dan membenarkan kesinambungan sesuatu perkara yang digariskan. Hal ini sama dengan kenyataan Alexander (1981) bahawa komunikasi massa membantu manusia melihat masyarakat, berasa mempunyai kaitan dengan masyarakat dan terlibat dengan proses masyarakat melalui satu set perkongsian kefahaman. Cardiff & Scannell (1987) pula menghujah bahawa penyiaran mewujudkan rasa kekitaan dan identiti bersama dengan cara mempromosikan simbol negara, dan mempersembahkan penyiaran yang berversikan edisi kebangsaan. Media turut menggalakkan integrasi norma dan moral masyarakat dengan mengenalpasti apa yang betul dan salah bagi masyarakat. Justeru media memberi tanda aras tentang apa yang diterima dan tidak diterima melalui ekspresi sosial dengan tidak menyetujui perilaku jahat dalam norma sosial. Media juga membolehkan masyarakat melihat diri mereka dengan cara yang ideal, atau terlibat dalam meraikan nilai yang dikongsi bersama, mengingat atau merasakannya. Misalnya perkahwinan di antara Putera Charles dan Lady Diana pada tahun 1981 disaksikan oleh jutaan rakyat Britain dan masyarakat antarabangsa. Mereka meraikan pengalaman universal tentang kasih sayang, percintaan dan pertunangan dan secara ritual mengesahkan komitmen mereka ke dalam institusi perkahwinan, yang diadakan dalam satu majlis negara yang gilang-gemilang dan diraikan secara bersama oleh semua lapisan masyarakat. Majlis perkahwinan ini dilihat oleh Dayan & Katz (1987) sebagai aspek intergrasi sosial dan kolektif.

Kesimpulannya, ahli *liberal functionalism* mengatakan bahawa kita tidak perlu memikirkan peranan media dalam masyarakat sebagai satu agensi yang berkuasa dalam hal pemujukan. Media sebaliknya perlu dilihat dari segi membantu merealisasikan diri secara kolektif, mengkoordinasi, melaksana pengurusan yang demokratik, mengintegrasikan sosial dan mengadaptasi masyarakat.

Bagaimanapun, pandangan *liberal functionalism* tentang media tidak semuanya disokong. Idea liberalis ini telah ditentang oleh *radical functionalism*. Sekiranya analisis liberal memberi tumpuan kepada autonomi media, analisis radikal pula memberi penekanan tentang penguasaan media ke atas autoriti. Misalnya media British dibentuk oleh beberapa pengaruh dan kesemuanya berfungsi mengikut arah konservatif yang sama. Pengaruh ini bermula daripada pemilikan media oleh kapitalis, perkhidmatan penyiaran awam yang berbentuk rasmi, hinggalah kepada suntingan penyiaran dan nilai persetujuan bersama kakitangan media. Semua ini bergabung, menggambarkan media sebagai gudang senjata bagi kelas yang mendominasi (Miliband 1973:203-213).

Di Amerika pula, ciri radikal fungsi media bukan dilihat dalam konteks Marxist, dan masyarakat yang berlandaskan kelas seperti yang dilihat oleh Miliband, tetapi ia dilihat dalam konteks kawalan di dalam organisasi media itu sendiri dan dijangi oleh kawalan yang luas dalam masyarakat bagi menggambarkan media Amerika sebagai institusi ideologi yang berkesan dan berkuasa yang membawa "sistem fungsi sokongan propaganda" (Herman & Chomsky 1988:306).

Pendekatan kedua ahli *radical functionalist* yang mencabar hujah ahli liberal ialah sifat media secara aktif adalah "mengeluarkan" (*produce*) berbanding secara pasif "reflek" daripada persetujuan masyarakat. Media juga perlu memainkan peranan utama menggerakkan persetujuan *order* sosial dengan tidak menyatakan hal yang sebenar. Justeru fokus media dalam hal politik tempatan dan kerajaan cenderung untuk dirahsiakan/disembunyikan iaitu cara pemilihan yang dibuat dalam politik distrukturkan oleh kapitalisme global. Media biasanya melaporkan sesuatu berita sebagai peristiwa diskrit, yang diambil daripada konteks yang luas tetapi tidak memberi penerangan lanjut. Hal ini dilihat oleh *order* sosial sebagai suatu yang semulajadi. Pendek kata, fiksyen media cuba mempromosikan "realiti" yang lebih dipengaruhi oleh aktor individu berbanding struktur sosial dan ekonomi. Kita dipaksa untuk percaya bahawa penyelesaian yang terbaik adalah melalui peningkatan moral individu berbanding perubahan dalam organisasi masyarakat (Curran, Douglas & Whannel 1980).

Bagi menyokong pendekatan ini, fungsi media seterusnya dilihat menyokong struktur kuasa, dengan menyatukan kumpulan yang dominan dan memecahkan lawan mereka. Segala bantahan distigmakan sebagai ekstrim dan mengancam melalui tindakan memprotes berbanding memberi fokus kepada sebab mengapa

protes berlaku. Justeru mogok dilihat sebagai tidak rasional dan merbahaya, sebagai akibat daripada tumpuan berita tertentu ke atas akibatnya berbanding sebab mogok dilakukan.

Fungsi radikal dalam pendekatan ini turut melihat media sebagai memberi sokongan kepada kelas elit atau hegemoni. Manakala *feminist functionalist* melihat media lebih memberi sokongan kepada golongan lelaki (*patriarchy*). Menurut Gaye Tuchman (1978), media mengekalkan dominasi lelaki melalui simbolik pemusnahan dan ketidakpentingan wanita sebagai objek seks dan pengguna domestik, dengan mengajar wanita supaya memberi sepenuh perhatian kepada rumah dan hal-hal berkaitan dengan rumah tangga (Sharpe 1976 dalam Curran 2002). Versi lain tentang *radical functionalism* ialah kelas, gender dan etnik yang merupakan aspek berbeza tetapi dikawal oleh struktur yang sama iaitu media. Walaupun kesemua perkara ini dihujah dalam konteks yang berbeza, tetapi kesemuanya membuat andaian yang sama iaitu media mengekspresikan dominasi dan menjadi alat utama melaksanakan dominasi tersebut.

Pendekatan ketiga ahli *radical functionalism* yang mencabar hujah ahli liberal ialah ketegasan mereka bahawa media adalah sangat berkuasa. Ini berdasarkan hasil kajian yang menggunakan metodologi individualisme dan orientasi tingkah laku. Kuasa media adalah lebih baik digambarkan bukan dalam bentuk berasingan (pemisahan) tetapi dalam konteks pengaruh ideologi. Media bukan sahaja membantu kita mengetahui tentang dunia malah turut merasainya. Media menstrukturkan pemahaman kita dengan menguasai realiti tertentu, memberikan peta dan kod serta menanda kawasan dan membahagikan peristiwa yang bermasalah serta hubungannya bagi menerangkan sesuatu konteks (Hall, 1977:341). Maksudnya sistem idea yang dominan disiarkan oleh media dengan memberikan makna bahawa manusia biasanya hidup dalam hubungan di antara imaginasi dan realiti.

Seterusnya pendekatan keempat yang membezakan di antara idea liberal dan radikal ialah radikal menolak konsep masyarakat yang ditekankan oleh liberal. *Liberal functionalism* mengandaikan bahawa kuasa diserakkan dengan meluas, manakala *radical functionalism* mengandaikan bahawa kuasa ditumpukan dengan banyak. Satu sebab mengapa media sangat berkuasa dalam pandangan radikal ialah kerana media beroperasi dalam masyarakat yang dominan, di tambah lagi dengan agensi sosial yang lain seperti keluarga, sistem pendidikan dan gereja yang memberi sokongan kepada propaganda media (Curran 2002:139). Justeru analisis tentang kuasa dan dominasi

kumpulan masyarakat tertentu ke atas media menjadi asas perbincangan yang menentukan perbezaan di antara *liberal functionalism* dan *radical functionalism*.

Sungguhpun *liberal functionalism* kelihatan menolak *dysfunctional* media dengan menafikan pengaruh yang didatangkan oleh media, sebaliknya memberi tumpuan kepada sumbangan media ke atas masyarakat, namun media tetap didominasi oleh segelintir pihak khususnya kapitalis yang bertindak sebagai *specialized class of responsible man* dalam menentukan apakah sumbangan yang harus diberikan oleh media kepada masyarakat. Misalnya apakah bentuk maklumat pilihan raya yang hendak diberikan kepada masyarakat, apakah jenis forum yang hendak diwujudkan bagi tujuan perbincangan umum dan bagaimanakah cara untuk mengawasi penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh pemerintah? Kesemua ini melibatkan kawalan oleh pihak tertentu khususnya pemilik media supaya tanggungjawab sosial dapat dilaksanakan bagi memelihara sistem sosial supaya terus berada dalam keharmonian. Kawalan dan dominasi ini menjadi asas perbincangan *radical functionalism* dan ini membenarkan kenyataan bahawa tidak kira apa jua sistem politik yang digunakan dan ideologi yang dipegang, kesemuanya membataskan fungsi media daripada bebas sepenuhnya dan kebebasan tersebut dikawal oleh segelintir kumpulan dalam masyarakat yang dianggap bijaksana dan bertanggungjawab bagi memelihara sistem sosial.

### **Kesimpulan**

Kertas ini telah membincangkan analisis fungsional ke atas media dengan memberi penekanan kepada fungsi media. Teori ini melihat fungsi media dalam konteks *functional* dan *dysfunctional* berbanding konteks baik dan buruk seperti mana yang dilihat oleh teori konservatif tentang media. Dalam membincangkan tentang fungsi media, terdapat tiga pembolehubah yang saling mempengaruhi iaitu kuasa, media dan maklumat. Mereka yang mempunyai kuasa baik kuasa politik mahupun ekonomi, dilihat akan menguasai media dan seterusnya menentukan maklumat yang akan dipaparkan kepada khalayak. Kuasa akan menentukan fungsi media, sama ada media bebas menjalankan fungsinya atau kebebasannya disekat atau dikawal. Kawalan ke atas media, selalunya merujuk kepada negara bukan demokrasi liberal, namun menurut Chomsky, tiada beza di antara negara komunis dan demokrasi liberal dari segi siapa yang mengawal media. Mereka tetap segelintir kumpulan kecil

dalam masyarakat yang menentukan segala-galanya untuk negara dan masyarakat bagi memelihara kaharmonian sosial. Ini bermakna, negara demokrasi liberal seperti Amerika Syarikat tetap melakukan kawalan ke atas sistem medianya sungguhpun kawalan yang dibuat lebih kompleks dan secara tidak langsung.

Fungsi media dari pandangan *liberal functionalism* telah diuraikan dan fungsi tersebut didapati berkembang dari masa ke semasa. *Liberal functionalist* percaya bahawa adalah lebih kepada memberi sumbangan kepada masyarakat berbanding mempengaruhi masyarakat. Fungsinya dalam memberi sumbangan ini banyak dilihat dalam konteks politik misalnya memberi maklumat pilihan raya dan mengawasi penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan. Fungsinya berkembang pada tahun 70an dan 80an apabila media dilihat dalam konteks kegunaan dan gratifikasi. Pada tahun 80an dan 90an, media pula dilihat sebagai agen integrasi sosial.

Pandangan *liberal functionalist* tentang fungsi media bagaimanapun tidak dipersetujui oleh *radical functionalist*. Golongan radikal melihat fungsi media sebagai dominan dan berkuasa iaitu media bukan sahaja memberi sumbangan malah mempengaruhi khalayak. Medialah yang menetapkan isu atau agenda dan agenda tersebut bukan refleksi daripada kehendak masyarakat seperti yang diujahkan oleh *liberal functionalist*. Dengan tumpuan kuasa yang ada pada media, maka media boleh menggerakkan *order* sosial, memberi sokongan kepada hegemoni dan membawa khalayak untuk mengetahui tentang dunia dan merasainya. Namun begitu terdapat persamaan di antara kedua-dua pendekatan fungsional ini iaitu cuba menetapkan fungsi media yang sebenarnya dan fungsi tersebut berkembang dari masa ke semasa.

- Alexander, J. 1981. The mass media in systematic, historical dan comparative perspectives. Dalam Katz, E & Szecsko, T (pnyt). *Mass Media and Social Change*. Beverly Hills, California : Sage Publications.
- Baran, S.J. & Davis, D.K. 2000. *Mass Communication Theory: Foundations, & Future*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Blumler, J & Katz, E. 1974. *The Users of Mass Communications*. Beverly Hills, California : Sage Publications.
- Cardiff, D & Scannell, P. 1981. Radio in World War II. *The Historical Development of Popular Culture*. Milton Keynes: Open University Press.
- Carey, J. 1992. *Communication as Culture*. London : Routledge.
- Chomsky, N. 1997. *Media Control: The Spectacular Achievements of Propaganda*. New York: Seven Stories Press.

---

Rujukan

- Coleman, J.S. 1973. *Power and the Structure of Society*. New York : Norton.
- Curran, J., Douglas, A & Whannel, G. 1980. The political economy of human-interest story. Dalam Smith, A (pnyt). *Newspapers and Democracy*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology.
- Curran, J. 2002. *Media and Power*. London : Routledge.
- Dayan, D & Katz, E. 1987. Performing media events. Dalam Curran, J., Smith, A & Wingate, P (pnyt). *Impacts and Influences*. London : Methuen.
- Dayan, D. 1992. *Media Events*. Cambridge : Harvard University Press.
- Hall, S. 1977. Culture, the media and the "ideological effect". Dalam Curran, J., Gurevitch, M & Woollacott, J. (pnyt). *Mass Communication and Society*. London : Edward Arnold.
- Kelley, D & Donway, R. 1990. Liberalism and free speech. Dalam Lichtenberg (pnyt). *Mass Media and Democracy*. New York: Cambridge University Press.
- Lasswell, H. 1971. The structure and function of communication in society. Dalam Schramm, W & Roberts, D (pnyt). *The Process and Effects of Mass Communication*. Urbana, Illinois : University Of Illinois Press.
- Miliband, R. 1973. *The State in Capitalist Society*. London : Quartet.
- McQuail, D. 1992. *Media Performance*. London : Sage.
- Rose, R. 1970. *People in Politics: Observations Across the Atlantic*. London : Faber & Faber.
- Rosengren, K., Wenner, K & Palmgreen, P. 1985. (pnyt). *Media Gratifications Research*. Beverly Hills, California: Sage.
- Rubin, A. 1986. Uses, gratifications and media effects research. Dalam Bryant, J & Zillmann, D (pnyt). *Perspectives on Media Effects*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum.